

05/11/1998

Anggota Asean tangguh penubuhan rangkaian satelit

KUALA LUMPUR, Rabu - Asean bersetuju menubuhkan rangkaian satelit untuk menyalurkan maklumat mengenai negara anggota, di samping menangkis berita tidak seimbang yang dilaporkan media asing.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata penubuhan rangkaian satelit itu terpaksa ditangguhkan sehingga tahun 2000, berikutan negara anggota menghadapi kegawatan dan peningkatan kos operasi.

"Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal sudah mengemukakan cadangan penubuhan rangkaian itu untuk menangkis berita tidak seimbang yang memburukkan negara anggota.

"Secara prinsipnya, semua Menteri Penerangan Asean bersetuju untuk menubuhkan rangkaian satelit, tetapi perlu ditangguhkan sementara berikutan kegawatan ekonomi," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet, di sini hari ini.

Cadangan menubuhkan rangkaian itu diputuskan pada mesyuarat menteri Asean di Singapura dua tahun lalu dan Malaysia ditugaskan selaku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal.

Mohamed berkata, persetujuan mengenai tarikh sebenar rangkaian itu beroperasi akan diputuskan pada mesyuarat menteri Asean di Hanoi, Vietnam pada tahun 2000.

"Asean bersetuju lebih banyak maklumat sebenar disebarkan melalui satelit untuk mengatasi tohmahan dan laporan negatif media Barat terhadap negara anggota," katanya.

Pada sidang akhbar itu, Mohamed turut menafikan beliau ada menulis surat kepada pengarang akhbar utama dan media elektronik - Berita Harian, Utusan Malaysia, Bernama, TV3, NTV7, meminta mereka menyiarkan berita yang memihak kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, surat bertarikh 17 Oktober itu diterima semalam dan berikutan itu, beliau akan membuat laporan polis secepat mungkin.

"Pihak tidak bertanggungjawab menggunakan tandatangan saya pada pas akhbar ketika saya menjadi Setiausaha Agung Umno untuk mempengaruhi pengarang akhbar," katanya.

Beliau juga meminta rakyat yang cintakan perpaduan dan keamanan menolak surat layang dan usaha pihak tertentu yang memburukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan.

Menurutnya, kementerian akan memperhebatkan gerakan menangani masalah kekeliruan rakyat berhubung krisis ekonomi dan rasional pemecatan Anwar.

Beliau berkata, lebih banyak penjelasan perlu dibuat bagi meningkatkan kesedaran serta keyakinan rakyat terhadap setiap keputusan kerajaan membabitkan kes Anwar dan ekonomi negara.

"Kita perlu memberi penjelasan berhubung krisis ekonomi serta pemecatan Anwar daripada kerajaan serta Umno selepas sebulan gerakan menangani kekeliruan rakyat itu dilancarkan.

"Kementerian melalui Jabatan Penerangan bertanggungjawab mengatasi kekeliruan itu supaya rakyat dapat menerima sebab Anwar dipecat dan langkah kawalan ekonomi yang ditetapkan," katanya.

Mengenai pengkorporatan Bernama, beliau berkata Kabinet bersetuju cadangan itu ditangguhkan kerana pendapatan agensi terbabit berkurang 25 peratus atau RM13 juta selepas hak eksklusif berita luar negara ditarik balik.

Berikutan itu, katanya, kerajaan sedang menimbangkan untuk memberi tugas baru bagi membolehkan Bernama berdaya maju pada masa depan.

(END)